



PELEPASAN peserta konvoi di perkarangan pejabat MDP. FOTO Mohd Rafi Mamat.

SERAMAI 100 peserta menggunakan 50 motosikal berkuasa besar menyertai konvoi bermotosikal Jelajah Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pahang sejauh 899 kilometer (km) sempena penganjuran Kejohanan Sukan PBT VIII Pekan 2019 bulan depan.

Konvoi selama empat hari itu diketuai Yang Dipertua Majlis Daerah Pekan (MDP), Datuk Rose Shamsul Abdul Razak bermula semalam, menjelajah ke setiap daerah di negeri itu bagi menyerahkan watakah jempunan kepada PBT, selain mengadakan promosi.

Rose Shamsul berkata, konvoi bermotosikal itu antara acara awal dirancang bagi memeriahkan lagi kejohanan sukan yang akan menghimpunkan lebih 1,500 atlet bersaing dalam 15 acara sukan.

Katanya, lokasi pertama konvoi ke Rompin, Bera dan Temerloh, hari kedua ke Temerloh, Bentong, Raub dan Cameron Highlands, hari ketiga ke Lipis dan Jerantut seterusnya hari terakhir ke Jerantut, Maran dan Kuantan.

“Saya berharap konvoi bermotosikal dengan kerjasama Kelab Motosikal Pekan (Pekan Bikers) dapat memeriahkan kejohanan sukan terbesar peringkat negeri ini yang bermula 15 hingga 18 Ogos depan.

“Kejohanan sukan PBT VIII Pekan 2019 menghimpunkan 12 pasukan PBT seluruh negeri yang akan memburu kejuaraan melalui pelbagai acara dipertandingkan seperti bola sepak, futsal, bola jaring, bola tampar, badminton, menembak, golf dan tarik tali,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelepasan konvoi bermotosikal jelajah sukan PBT di perkarangan pejabat MDP, di Pekan, semalam.

Rose Shamsul berkata, kejohanan sukan PBT Pahang diadakan setiap dua tahun sekali bertujuan untuk mengeratkan hubungan dalam kalangan atlet dan urus setia serta pegawai PBT di negeri ini.